

# Sahabat sejati bantu kejayaan pelajar istimewa

UM 25.11.2014 27

**KOTA KINABALU 24 Nov.** - Pengorbanan tiga sahabat sejati menjadi tulang belakang kepada kejayaan gadis istimewa dari Kampung Inuman, Beaufort; Emy Aridah Aripin, 26, yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Perakaunan.

Cuma berketinggian 98 sentimeter dan memiliki berat kira-kira 24 kilogram, Emy Aridah sangat terhutang budi dengan bantuan yang dihulurkan oleh rakan-rakan seperjuangan dan pengurusan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sepanjang pengajian di universiti tersebut bermula 2010.

Namun baginya, pengorbanan yang dihulurkan oleh tiga sahabat baik iaitu Hazimah Zaiman, Noor Kaziemah Sariman dan Azizah Abdul Kadir merupakan 'azimat' sejati kepada kejayaannya menamatkan sesi pengajian.

Jelasnya, persahabatan baik itu terjalin sejak menuntut di Politeknik Kota Kinabalu dalam kursus Diploma Perakuan bermula 2007 dan seterusnya menyambung pengajian di UMS.

"Mereka bertiga merupakan sahabat baik saya sejak dari Politeknik Kota Kinabalu. Saya berasa sangat bersyukur kerana mempunyai sahabat sejati yang sanggup menghulurkan bantuan selama ini tanpa meminta sebarang balasan."

"Namun Azizah masih belum menamatkan pengajian dan bersama kami dalam convokesyen pada hari ini kerana terlibat dalam satu kemalangan, tetapi dia tetap hadir meraikan kami semua," katanya yang ditemui pada hari terakhir Istiadat Convokesyen Ke-16 UMS, di sini hari ini.

Gadis istimewa itu menerima tepukan gemuruh daripada semua graduan dan barisan kepimpinan UMS yang berada dalam Dewan Canselori ketika menerima segulung ijazah daripada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Mengulas lanjut, Emy Aridah berkata, tiga sahabatnya itu sering menghulurkan bantuan terutama ketika mengulangkaji pelajaran dan membawanya berulang-alik ke bilik kuliah dengan menaiki kereta.



**EMY ARIDAH ARIPIN** (dua dari kiri) bersama tiga sahabatnya (dari kiri), Hazimah Zaiman, Noor Kaziemah Sariman dan Azizah Abdul Kadir pada hari terakhir Istiadat Convokesyen Ke-16 UMS di Kota Kinabalu, Sabah, semalam.